

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (24)
Tarikh: 18 April 2014

KENYATAAN AKHBAR

MBPJ ANJUR ANUGERAH PERDANA KOMUNITI MAMPAN BAGI TAHUN KE 13

Melalui pendekatan Local Agenda 21, sejak tahun 2001 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melaksanakan Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya yang bertujuan menggalakkan pembangunan mampan di kalangan komuniti serta memberi pengiktirafan di atas inisiatif dan pencapaian komuniti yang cemerlang dalam menambahbaik kualiti alam persekitaran dan kemampunan komuniti.

Anugerah ini telah berjaya memupuk semangat perpaduan, permuafakatan dan kebersamaan dalam melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah komuniti mampan.

Anugerah yang telah dilaksanakan selama lebih 13 tahun ini diketuai oleh Y.Bhg.Datin Paduka Halimaton Saadiah bt Hashim yang mempunyai kepakaran dan pengalaman amat luas dalam setiap prinsip pembangunan mampan.

Pihak majlis juga telah melantik seorang lagi ahli panel penilai yang sangat berpengalaman luas dalam aspek masyarakat sejahtera iaitu Yang Berbahagia Dato' Meme Zainal Rashid, merupakan Mantan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dan beliau kini bekerja bersama Malaysian Association of Social Workers.

Majlis sememangnya amat menghargai segala sumbangan barisan panel penilai selama ini yang secara sukarela membantu MBPJ dalam menjayakan anugerah yang amat berprestij ini. Selama lebih 13 tahun, anugerah ini telah memberi dimensi baru kepada pelaksanaan local agenda 21 Petaling Jaya dan telah mencetuskan pelbagai amalan baik dan menggalakkan inisiatif komuniti mampan.

Bagi Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya yang diteruskan untuk tahun 2014 ini, semua komuniti dan masyarakat di Petaling Jaya disaran supaya menyertai anugerah ini dan bersama-sama berganding bahu ke arah mewujudkan persekitaran yang mampan di Petaling Jaya.

Selaras dengan pelan strategik ‘Sustainable Petaling Jaya 2030’ yang disediakan majlis pada tahun 2013, majlis telah menambahbaik 5 kategori inisiatif sediada di dalam anugerah ini berdasarkan halatuju-halatuju utama di dalam pelan strategik tersebut.

Aspek penilaian juga akan melihat dari perspektif yang lebih luas iaitu:

- INISIATIF ALAM SEKITAR (KE ARAH BANDARAYA BERSIH, HIJAU DAN EFISYEN)
- INISIATIF EKONOMI BERDAYA SAING
- INISIATIF BUDAYA & KOMUNITI (KE ARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT HARMONI, SELAMAT & PRIHATIN)
- INISIATIF HABITAT BERDAYAHUNI
- INISIATIF TADBIR URUS BAIK (MELALUI PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PENGURUSAN BANDAR)

Penerima Anugerah akan dihadiahkan:

TEMPAT PERTAMA: RM 50,000.00 Geran Pembangunan, Piala Pusingan datuk Bandar, Sijil Kepujian dan Cenderahati Iringan.

TEMPAT KEDUA: RM 25,000.00 Geran Pembangunan, Sijil Kepujian dan Cenderahati Iringan.

TEMPAT KETIGA: RM 10,000.00 Geran Pembangunan, Sijil Kepujian dan Cenderahati Iringan.

Anugerah Inisiatif Komuniti Mampan mengikut kategori akan dihadiahkan kepada lima komuniti di mana setiap satu akan menerima Piala, Sijil Kepujian dan Geran Pembangunan sejumlah RM 3,000.00

- Anugerah Inisiatif Komuniti Mampan PJ (Integrasi Sosial)
- Anugerah Inisiatif Komuniti Mampan PJ (Kejiranan Selamat)
- Anugerah Inisiatif Komuniti Mampan PJ (Kejiranan Hijau)
- Anugerah Inisiatif Komuniti Mampan PJ (Tadbir Urus)
- Anugerah Inisiatif Komuniti Mampan PJ (Keusahawanan)

Majlis sememangnya meletakkan harapan yang tinggi agar tahun 2014 ini akan menyaksikan lebih banyak penyertaan daripada kawasan kejiranan dan organisasi penduduk di seluruh Petaling Jaya. Untung sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya 2013, orang ramai bolehlah menghubungi Bahagian Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ ditalian 03-7956 3544 samb. 370 dan 374 atau email kepada nazihah@mbpj.gov.my.

Disediakan oleh

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019 2239604, zainun@mbpj.gov.my Penolong
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-
2046035 ahmadiskandar@mbpj.gov.my